

21 FEB 2000

Mahathir-Undi

TERPULANG KEPADA BAHAGIAN TENTUKAN PROSES PEMILIHAN UMNO

SHAH ALAM, 21 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini terpulang kepada masing-masing bahagian Umno untuk menentukan sama ada perlu atau tidak pemilihan wakil-wakilnya ke perhimpunan agung dan pemilihan calon bagi semua jawatan di peringkat pusat dilakukan secara undi sulit.

"Yang itu, (terpulang kepada) bahagian. Kalau siapa suka nak pilih (secara sulit), pilihlah," kata Perdana Menteri ketika diminta mengulas mengenai cadangan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan Tengku Razaleigh Hamzah supaya pemilihan wakil-wakil bahagian ke perhimpunan itu Mei depan dilakukan dengan undi sulit.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas merasmikan bangunan kilang Ericsson di sini, Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata proses pengundian selalunya dijalankan secara sulit seperti dalam bahagian Umno Kubang Pasu yang dipimpinnya.

"Kita tulis atas kertas (dan) kita tak tahu siapa dia (yang dipilih). Itu di bahagian saya. Saya tak tahu (mengenai) bahagian lain," kata Dr Mahathir.

Ketika ditanya mengenai cadangan supaya diseragamkan proses pemilihan dalam semua bahagian Umno, Dr Mahathir berkata: "Yang itu dia boleh membawa cadangan itu ke Majlis Tertinggi (Umno) dan Majlis Tertinggi boleh menimbang."

Semalam, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang juga Naib Presiden Umno berkata sebarang cadangan berkaitan peraturan atau prosedur parti, cawangan atau bahagian Umno, perlu dikemukakan kepada MT.

Ketika ditanya nasihat beliau menjelang persidangan perwakilan bahagian Umno yang dijadualkan bermula pada 1 Mac ini, Dr Mahathir berkata yang penting ialah mereka mesti mengutamakan kepentingan parti.

"Kita selalu tekankan yang penting ialah parti. Manusia atau orang tak penting. Akhirnya dia akan kembali ke rahmatullah juga. Parti kita tak payah tanam. Kita nak parti itu hidup," kata Perdana Menteri.

Beliau juga berkata mesyuarat cawangan Umno berjalan dengan lancar.

"Nampaknya minat mereka (anggota Umno) baik," kata Dr Mahathir.

Sementara itu di BUTTERWORTH, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz berkata Umno matang untuk menentukan kaedah pengundian dalam mesyuarat agung bahagiannya bagi menentukan sama ada harus dilaksanakan secara sulit ataupun terbuka.

Kaedah pengundian tidak perlu dibangkitkan kerana kepimpinan bahagian masing-masing boleh menentukan cara pengundian yang mereka mahu, katanya kepada pemberita selepas merasmikan unit baru kilang Penfibre di sini.

Beliau mengulas cadangan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan Tengku Razaleigh Hamzah supaya pemilihan wakil-wakil bahagian ke perhimpunan itu Mei depan dilakukan dengan undi sulit.

Rafidah berkata kaedah mengundi sama ada sulit atau terbuka sebenarnya adalah urusan bahagian masing-masing.

Mengenai kenyataannya untuk bertanding jawatan Ketua Pergerakan Wanita Umno, Rafidah berkata terpulang kepada anggota pergerakan itu untuk membuat keputusan.

"Kempen saya terhad, saya tidak mempunyai banyak masa untuk politiking kerana mempunyai banyak tanggungjawab dalam kerajaan," katanya.

Menurutnya jika semua pemimpin Umno sibuk berpolitik, mereka tidak akan serius dalam menyempurnakan pekerjaan masing-masing dan ia secara langsung

menjejaskan imej kerajaan.

Rafidah juga meminta Wanita Umno memikirkan masa depan parti dan serius mengenal pasti generasi muda sebagai barisan pelapis agar Umno tidak berkurangan idealismenya.

-- BERNAMA

AA NAK